

CNS8290

U GB 23-04 00153 BH033

bah

LAWATAN KE VIETNAM BERHASIL, KATA MAHATHIR

Mahathir - Hasil

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

BANDARAYA HO CHI MINH, 23 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan lawatan lima harinya ke Vietnam sebagai berjaya dan beliau berpuas hati dengan hasil rundingannya dengan pemimpin-pemimpin negara itu.

Ini, kata Perdana Menteri, akan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara pada masa depan.

Dr Mahathir, yang menamatkan acara rasminya hari ini dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur esok setelah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Vo Van Kiat serta pemimpin Vietnam yang lain.

Ketika berkacap pada satu persidangan akhbar untuk wartawan-wartawan Malaysia yang mengiringinya, beliau berkata bahawa dalam beberapa segi kedua-dua negara telah mencapai kata sepakat tentang langkah-langkah khusus yang harus diambil untuk menyelesaikan sebarang masalah, termasuk masalah dua hala.

+Kita bersetuju bahawa sebarang masalah hendaklah diselesaikan melalui perundingan, katanya. -- Lagi

▼23/04/16-49MST

bah

Mahathir - Hasil 2 Bandaraya Ho Chi Minh

Kelmarin, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata di sini bahawa kedua-dua negara telah menetapkan beberapa prinsip tentang cara-cara membangunkan kawasan-kawasan di persisiran pantai yang dituntut bersama.

Abdullah juga berkata Malaysia dan Vietnam sependapat bahawa tindakan ketenteraan hendaklah dielakkan dengan apa cara sekalipun dalam mencari penyelesaian bagi masalah kepulauan Spratly yang dituntut oleh beberapa buah negara termasuk China.

Dr Mahathir berkata di samping itu beliau juga membincangkan dengan para pemimpin Vietnam tentang cara-cara Malaysia boleh mengambil bahagian dalam usaha-usaha pembangunan semula ekonomi Vietnam, sebuah negara yang baharu sahaja reda daripada peperangan dan telah memperkenalkan dasar terbuka.

Perdana, yang membawa bersama rombongan 107 orang tokoh perniagaan terkemuka dalam lawatan ini, berkata kedua-dua pihak telah menentukan sektor-sektor yang boleh dimainkan oleh kerajaan dan pihak swasta dalam membantu membangunkan semula Vietnam.

Dr Mahathir gembira bahawa dalam hubungan ini, beberapa syarikat di Malaysia telah mengenal pasti pelbagai usaha sama dengan agensi-agensi Vietnam untuk projek-projek tertentu. -- Lagi

▼23/04/16-50MST

U GB 23-04 00195 BH035

bah

Mahathir - Hasil 3 (Akhir) Bandaraya Ho Chi Minh

+Dengan perkataan lain, kita telah capai matlamat kita datang ke sini,+ katanya.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam setelah berada di ibu negara Vietnam selama tiga hari, malam tadi telah diraikan dalam satu jamuan makan malam oleh Pengerusi Jawatankuasa Rakyat bandar ini, Le Khao Binh di Reunification Palace.

Petang ini, beliau meletakkan batu asas bagi pembinaan Hotel Equatorial di Tran Binh Trong di tengah-tengah bandar ini.

Hotel bertaraf antarabangsa yang berharga US\$25 juta dan mempunyai 308 bilik itu merupakan projek usaha sama antara usahawan Malaysia, Vietnam dan negara anggota Asean yang lain.

Sebanyak 51 peratus daripada ekuitinya dimiliki oleh Hotel Equatorial (Malaysia) Sdn Bhd dan Arab-Malaysian Development Bhd sementara bakinya dimiliki oleh Hoang Viet Company, Lim Kah Ngam (Investment) Pte Ltd dan Natsteel Properties Pte Ltd.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata projek hotel itu merupakan sebahagian daripada sumbangan kecil Malaysia dalam proses membangunkan semula ekonomi Vietnam yang terjejas akibat peperangan.

Katanya, projek itu juga merupakan simbol semangat dan kesungguhan usahawan Asean dalam mengembangkan sayap mereka ke seberang laut. -- Bernama

▼23/04/16-51MST

U GB 23 04 00195 BH035